

# kembara

warisan | 19



Foto Muhd Asyraf Sawal

## Info

### Rumah Datuk Raja Diwangsa

- Rumah asal dibina pada tahun 1925.
- Tapak asal rumah ini di Kampung Meral, Seri Menanti.
- Dibina sendiri oleh pemiliknya, Datuk Raja Diwangsa Muhammad Yunus.
- Dibantu dua tukang rumah dikenali Dukun Mahat dan Tukang Kassim.
- Datuk Raja Diwangsa ialah Orang Empat Istana (Pembesar Istana) Seri Menanti, Negeri Sembilan.

### Ciri-ciri rumah tradisional lama Negeri Sembilan

- Terbahagi kepada lima bahagian utama iaitu anjung, serambi, induk atau ibu, loteng dan kelek anak atau rumah dapur.
- Dibina menggunakan kayu cengal batu.
- Tiang di dalam rumah berfungsi menyokong struktur bumbung dan bahagian loteng.
- Dibina dengan seni bina ukiran Melayu, didokong oleh falsafah dan filsafat tukang kayu lama.

# Rahsia tiang gantung

→ Simbol status pemilik rumah, dianggap ‘bernyawa’

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias  
wanti@bh.com.my

Penggunaan tiang gantung pada seni bina rumah Negeri Sembilan sekitar tahun 1930-an, bukan setakat menyerlahkan keunikan warisan Melayu, sebaliknya mempunyai rahsia tersendiri.

Selain dikaitkan dengan simbol status pemilik rumah golongan berkedudukan dalam masyarakat serta kerabat diraja, tiang gantung juga dikatakan ‘bernyawa’.

Tiang gantung dikatakan mampu memberi petunjuk kepada pemiliknya, sesuatu musibah bakal berlaku sekiranya kedudukannya senget.

Walaupun sekadar

kepercayaan zaman lampau, namun kajian mendapati ia ada kebenaran kerana sebarang pergerakan dalam tanah seperti gegaran, pasti menjelaskan kedudukan tiang gantung yang terletak di bahagian bumbung punca air,” katanya.

Pengarah Muzium Warisan Melayu Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, menyifatkan seni bina terbabit mempunyai falsafah tersendiri.

Katanya, penggunaan tiang gantung adalah bukti masyarakat Melayu zaman lampau memahami ilmu tarikan daya bumi dan kesimbangan yang kini disebut sebagai graviti.

#### Mudah alih

“Tiang gantung ditempatkan menghadap tempat duduk di anjung supaya sentiasa dalam pengetahuan pemilik.

“Jika berada di luar rumah, mudah untuk kita nampak sesebuah rumah itu senget, sebaliknya situasi itu sukar disedari dari dalam rumah. Namun, pemasangan tiang gantung menangani keadaan berkenaan.

“Satu lagi keunikan seni bina rumah Melayu lampau

ialah dibina secara modular iaitu mudah alih dan boleh dipasang semula, diperbuat daripada kayu cengal berkualiti tinggi dan berhampiran punca air,” katanya.

Muhammad Pauzi berkata, antara contoh rumah Negeri Sembilan adalah kediaman Datuk Raja Diwangsa Muhammad Yunus Jabar atau dikenali Tok Raja Tonso, yang dibina pada 1935, dipindahkan tiga kali.

“Alasan dipindahkan adalah kerana anaknya menangis tanpa henti yang ketika itu dipercayai petanda tidak baik dan kini kediaman terbabit dipindahkan ke Muzium Warisan Melayu sebagai rujukan akademik.

“Kediaman itu juga dilihat mempunyai nilai estetika yang tinggi kerana memiliki bilik khas untuk anak perempuan, terletak di atas loteng dipercayai supaya boleh mengintai tetamu yang berkunjung,” katanya.

Beliau menyifatkan, jurubina Melayu juga berupaya membina saliran angin di sekeliling rumah bagi pengaliran udara dari luar ke dalam dan sebaliknya sebagaimana konsep penyaman udara,” katanya.



Muhammad Pauzi memegang tiang gantung di rumah Negeri Sembilan.